



KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
JALAN DAMANSARA
50566 KUALA LUMPUR

**DOKUMEN PENYEWAAN RUANG DAN KUTIPAN
HASIL**

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN KEDAI CENDERAMATA ARAS BAWAH
MUZIUM NEGARA KUALA LUMPUR.**

No. Rujukan: JMM.UP.200-4/2/2/44(2)



MUSTAHAK

SILA BACA SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN DAN ARAHAN KEPADA PEMOHON DENGAN TELITI. KEGAGALAN PIHAK TUAN/PUAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT BERKENAAN AKAN MENYEBABKAN PERMOHONAN TERSEBUT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

ARAHAN KEPADA PEMOHON

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK PERMOHONAN

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu permohonan. Keputusan Jawatankuasa Sewaan Ruang Dan Kutipan Hasil adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN PERMOHONAN

2.1 Penyediaan untuk melengkapkan permohonan

Pemohon adalah dikehendaki mengisi dengan segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

1.	LampiranA Lampiran A1	Ringkasan Tawaran Harga Borang Akuan Pemohon
2.	LampiranB	Salinan Sijil Pendaftaran: i) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) ii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iii) Akuan Pendaftaran Bumiputra- <i>jika berkaitan</i>
3.	LampiranC	Profil Syarikat
4.	LampiranD	Surat Akuan Pembida
5.	LampiranE	Senarai Kelengkapan
6.	LampiranF	Senarai Harga Perkhidmatan/Produk
7.	LampiranG	Cadangan & Konsep
8.	LampiranH	Pengalaman Kerja dan Bukti Pengalaman (SST/L.O/P.O Dll)
9.	Lampiran I	Salinan Penyata Akaun (3 bulan terkini)
10.	Lampiran J	Borang JKPTG
11.	Lampiran K	Salinan Kad Pengenalan

**Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas pemohon hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.*

2.2 Penyerahan Dokumen Permohonan

- (a) Dokumen permohonan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebutharga **JMM.UP.200-4/2/2/44(2)** serta **TAJUK PENYEWAAN** dan hendaklah dikemukakan pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis permohonan.
- (b) Bagi mengelakan sebarang kekeliruan dan tujuan ketelusan, pemohon mestilah pada setiap helai dokumen yang dikemukakan memberi nombor muka surat yang berisi mengikut susunannya.
- (c) Jika Dokumen permohonan tidak diserahkan dengan tangan, pemohon hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (d) Permohonan yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam permohonan yang tidak jelas atau bercanggah, pemohon boleh menghubungi urusetia untuk penjelasan lanjut.

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan permohonan ini adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

4. TEMPOH SAH PERMOHONAN

- i) Permohonan ini sah selama **Sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup. Pemohon tidak boleh menarik balik permohonannya sebelum tamat tempoh sah. Tindakan boleh diambil sekiranya pemohon menarik balik permohonannya sebelum tamat tempoh sah.
- ii) Pemohonan dianggap tidak berjaya, sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas berkenaan perkhidmatan ini dalam tempoh **Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup**.

4. INTEGRITI PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- i) Pemohon adalah tertakluk kepada Surat Arahan Perbendaharaan mengenai perlaksanaan **Integriti Pact** bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan kerajaan.
- ii) Sehubungan dengan itu, penyebut harga **DIWAJIBKAN** mengisi Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran D**.

5. TAWARAN PILIHAN

Setiap pemohon TIDAK DIBENARKAN membuat tawaran pilihan bagi mana-mana butiran yang dimasuki. Jika terdapat tawaran pilihan, kerajaan berhak menolak semua tawaran yang dikemukakan.

6. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7. SURAT SETUJU TERIMA

Jabatan Muzium Malaysia akan memberi notis bertulis kepada **pemohon yang berjaya** apabila permohonan dipersetujui dalam jangka masa sah laku atau jangkamasa tambahan yang terlibat. Surat setuju terima akan dikeluarkan setelah menerima maklumbalas oleh pemohon yang berjaya.

8. PENAMATAN PERKHIDMATAN

Jabatan Muzium Malaysia mempunyai hak untuk menamatkan perkhidmatan pada bila-bila masa apabila pemohon yang berjaya gagal memenuhi syarat mengikut perjanjian.

(SPESIFIKASI PERKHIDMATAN)

PENYEWAAN RUANG MENJUAL CENDERAMATA DI MUZIUM NEGARA, JABATAN MUZIUM MALAYSIA

1. PERKHIDMATAN YANG DIPERLUKAN

- 1.1 Membekal dan menjual pelbagai jenis produk cenderamata yang beridentitikan Muzium Negara kepada pelawat, pemandu pelancong, sukarelawan Muzium dan warga Muzium Negara serta Jabatan Muzium Malaysia.

2. SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

- 2.1 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang Cenderamata dan Hadiah (030201).
- 2.2 Kedai cenderamata hendaklah dibuka setiap hari dari pukul 9.00 pagi sehingga 5.00 petang, termasuk hari Ahad dan Cuti Umum **KECUALI** pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan, hari raya pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri dan hari raya pertama Hari Raya Aidiladha.
- 2.3 Sekiranya Muzium Negara ditutup atas faktor keselamatan dan sebagainya yang berkaitan, maka penyewa juga perlu menutup perniagaannya. Sebarang penutupan oleh penyewa disebabkan perkara selain dari diatas khususnya yang tidak dapat dielakkan hendaklah terlebih dahulu memohon kelulusan daripada pihak Muzium Negara dalam tempoh 7 hari sebelum tarikh berkenaan.
- 2.3 Penyewa **DILARANG** sama sekali membuat penjenamaan semula ke atas nama kedai cenderamata yang disewa. Penyewa perlu menggunakan nama yang telah diwartakan mengikut surat tawaran perjanjian yang telah ditandatangani bersama oleh kedua belah pihak; Penyewa dan Jabatan Muzium Malaysia iaitu Kedai Cenderamata.
- 2.4 Penyewa perlu menyediakan pakaian seragam yang bersesuaian dan bertema adat budaya masyarakat Malaysia kepada pekerja dan telah dipersetujui oleh Pegawai Penguasa.
- 2.5 Penyewa dikehendaki menyenarai dan mempamerkan semua jenis cenderamata, harga jualan dan potongan harga setelah diskaun kepada pelawat.
- 2.6 Penyewa dikehendaki mematuhi segala Undang-undang dan Peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan tentang pembekalan dan penjualan cenderamata.
- 2.7 Penyewa hendaklah mempunyai lesen perniagaan cenderamata yang sah.
- 2.8 Penyewa dikehendaki menyediakan kakitangan yang mahir, cekap, terlatih dan berdisiplin dan boleh bertutur dalam pelbagai bahasa adalah suatu kelebihan.

- 2.9 Penyewa perlu memastikan pekerja yang dilantik memberikan perkhidmatan dan layanan penuh mesra, bersopan santun tanpa mengira agama, jantina, bangsa dan negara
- 2.10 Penyewa hendaklah memastikan keadaan premis sentiasa berada dalam keadaan bersih dan kemas
- 2.11 Penyewa dikehendaki menjual cenderamata beridentitikan Muzium Negara atau Jabatan Muzium Malaysia. Namun jika penyewa ingin menjual produk keluaran sendiri hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Penguasa disamping produk tersebut tidak membayangi atau melebihi jualan cenderamata muzium.
- 2.12 Penyewa dilarang sama sekali menyewakan mana-mana ruang dalam Kedai Cenderamata kepada pihak ketiga bagi menjual sebarang produk.
- 2.13 Penyewa hendaklah memastikan harga produk adalah berpatutan khususnya untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah.
- 2.14 Sebarang jualan dan promosi berkenaan produk Kedai Cenderamata perlu dimaklumkan serta mendapat kebenaran Pegawai Penguasa terlebih dahulu.
- 2.15 Sebarang jualan dan promosi produk Kedai Cenderamata boleh juga dimuat naik di laman web dan media sosial yang dibangunkan dan dikendalikan oleh Muzium Negara. Penyewa tidak dibenarkan membuka laman media sosial peribadi dengan menggunakan nama Muzium Negara atau Jabatan Muzium Malaysia.
- 2.16 Jabatan boleh pada bila-bila masa menarik balik mana-mana iklan atau pernyataan yang tidak bersesuaian atau yang boleh diklasifikasikan sebagai hasutan atau yang boleh mengganggu-gugat keamanan rakyat dengan menyentuh isu perkauman seperti yang termaktub di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.
- 2.17 Penyewa perlu mengemukakan kertas cadangan dan mendapat kelulusan bertulis daripada Jabatan Muzium Malaysia terlebih dahulu sekiranya berhasrat untuk memasarkan produk yang beridentitikan Muzium Negara atau Jabatan Muzium Malaysia di dalam pasaran tempatan mahupun luar Negara.
- 2.18 Penyewa perlu mengemukakan kertas cadangan dan mendapat kelulusan bertulis daripada Jabatan Muzium Malaysia terlebih dahulu sebelum dibenarkan menggunakan nama, alamat serta logo Jabatan Muzium Malaysia atau Muzium Negara atau kedua-duanya sekali dalam mana-mana bahan promosi untuk memasarkan produk kepunyaan Penyewa sendiri bagi pasaran tempatan atau luar Negara.
- 2.19 Sebarang bentuk dan tujuan promosi serta pemasaran yang dihasratkan oleh Penyewa perlu memberikan impak yang baik kepada nama Jabatan Muzium Malaysia.
- 2.20 Penyewa dikehendaki menghantar terlebih dahulu sebarang rekaan baru produk jualan kepada Pegawai Penguasa untuk semakan dan kelulusan. Jika didapati penyewa menjualnya tanpa kelulusan maka Pegawai Penguasa boleh mengeluarkan surat amaran seterusnya menghalang penjualan produk tersebut di Kedai Cenderamata.
- 2.21 Penyewa dikehendaki menjual produk jualan berasaskan kepada pameran bertema dan program yang dilaksanakan di Muzium Negara bagi tujuan promosi aktiviti Muzium Negara.

2.22 Penyewa hendaklah menyediakan ruang khas di dalam kedai cenderamata tersebut kepada Muzium Negara atau mana-mana persatuan-persatuan di bawah JMM bagi tujuan peragaan produk-produk jualan.

2.23 Penyewa juga hendaklah memberikan salinan kunci pendua kepada pegawai penguasa.

3. CIRI-CIRI PEKERJA

3.1 Sekurang-kurangnya satu (1) orang pekerja akan ditempatkan di kedai cenderamata bagi satu giliran (shift).

3.1.1. Pengurus/Juruwang - Seorang

3.1.2 Perwatakan bersih, kemas dan berpakaian seragam. Sebarang pemakaian yang menjolok mata atau berseluar pendek, berselipar atau apa jua pakaian yang tidak sesuai dipakai di pejabat adalah tidak dibenarkan. Penyewa kedai cenderamata dikehendaki menyediakan pakaian kebangsaan seperti baju Melayu (lelaki) dan baju kurung atau kebaya (perempuan) sekiranya terdapat acara rasmi diadakan di Muzium Negara kepada pekerja yang dilantik.

3.1.3. Keutamaan diberikan kepada penyebutharga yang mempunyai pekerja terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja dan berkemahiran berbahasa Inggeris.

3.1.4. Sekiranya penyewa ingin menempatkan pelajar praktikal tempatan atau yang berbangsa asing di Kedai Cenderamata, pastikan salinan dokumen pengenalan diri, dokumen pengesahan IPTA/IPTS, dokumen perjalanan, permit kerja yang sah dan kemahiran berbahasa Inggeris menjadi kriteria utama pemilihan Penyewa.

3.2 Pekerja Kedai Cenderamata perlu sihat tubuh badan, cergas, mempunyai penglihatan yang baik, berdisiplin, mempunyai keupayaan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan serta.

3.3 Berpengetahuan dalam mempromosikan produk cenderamata yang dijual di Kedai Cenderamata.

3.4 Bebas daripada sebarang rekod jenayah.

3.5 Walau apa pun perbekalan di atas, sebarang pelantikan pekerja oleh Penyewa Kedai Cenderamata adalah tertakluk kepada persetujuan mutlak daripada Jabatan Muzium Malaysia.

4. TANGGUNGJAWAB PENYEWA

4.1. Penyewa hendaklah memastikan Kedai Cenderamata dibuka pada jam 8.45 pagi dan ditutup pada jam 5.10 petang bagi memberikan laluan kepada pelawat yang menggunakan kemudahan mesin angkut (lif) ke/dari galeri pameran tetap Muzium Negara.

- 4.2. Penyewa perlu sentiasa bertanggungjawab melaporkan apa jua kerosakan atau kejadian jenayah dan gangguan yang berlaku di Kedai Cenderamata kepada pihak Keselamatan Jabatan sepanjang tempoh perjanjian berkuatkuasa.
- 4.3. Penyewa bertanggungjawab ke atas segala tindakan undang-undang yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan dan perlu membuat laporan atas sebarang kes jenayah yang berlaku dalam Kedai Cenderamata.
- 4.4. Segala perbelanjaan yang bersangkutan dengan peralatan, hiasan dalaman (tambahan) atau apa-apa jua yang berkaitan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Cadangan hiasan perlulah dikemukakan terlebih dahulu kepada Pegawai Penguasa untuk perbincangan, seterusnya mendapatkan kelulusan.
- 4.5. Penyewa hanya bertanggungjawab terhadap kawasan Kedai Cenderamata sahaja dan tidak meliputi ruang lain di Muzium Negara.
- 4.6. Penyewa yang dilantik dimestikan memberi keutamaan kepada kebersihan kawasan Kedai Cenderamata.
- 4.7. Penyewa perlu memberi keutamaan kepada pihak Jabatan Muzium Malaysia untuk apa jua acara atau persembahan yang akan dilaksanakan di dalam Kedai Cenderamata tersebut. Sebarang aktiviti peribadil tanpa pengetahuan Jabatan Muzium Malaysia adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 4.8. Sekiranya individu dan kumpulan luar ingin menggunakan kawasan Kedai Cenderamata untuk atau bagi apa-apa acara persendirian, adalah menjadi tanggungjawab penyewa memohon kelulusan bertulis daripada Pegawai Penguasa sebelum kebenaran diberikan kepada pihak tersebut untuk menggunakan kawasan Kedai Cenderamata berkenaan.
- 4.9. Penyewa juga dikehendaki memberikan kerjasama kepada Jabatan Muzium Malaysia sekiranya perkhidmatannya diperlukan bagi menjayakan acara-acara yang diadakan di luar Jabatan ini.

5. AKUAN PERJANJIAN

- 5.1. Surat setuju terima akan dikeluarkan setelah perlantikan dilaksanakan oleh Ahli Mesyuarat Sewaan Ruang Dan Kutipan Hasil JMM.
- 5.2. Satu Kontrak Perjanjian di antara penyewa dan pihak kerajaan akan disediakan Jabatan Muzium Malaysia.
- 5.3. Syarat-syarat dan spesifikasi perkhidmatan ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak Perjanjian.

6. URUSNIAGA JUAL DAN BELI

- 6.1. Penyewa perlu melaksanakan semua urusan jual dan beli di Kedai Cenderamata secara tunai dalam matawang tempatan (Ringgit Malaysia) dan menyediakan perkhidmatan kad kredit,auto debit dalam Ringgit Malaysia dan e-wallet atau manapun kaedah pembayaran yang terkini yang diluluskan oleh pihak kerajaan sebagai kaedah alternatif urusniaga dan seterusnya memudahkan pelawat.

- 6.2. Penyewa perlu memaparkan notis yang jelas memaklumkan pelanggan bahawa semua urusniaga jual dan beli adalah dalam bentuk Ringgit Malaysia.
- 6.3. Penyewa perlu menggunakan mesin wang (*cashier machine*) untuk melaksanakan sebarang urusniaga jual dan beli.
- 6.4. Penyewa perlu mengemukakan resit resit sebagai bukti bayaran bagi semua urusniaga jual dan beli.
- 6.5. Penyewa perlu memberikan diskaun sebanyak 10% kepada staf Jabatan Muzium Malaysia dan Sukarelawan Muzium yang membeli produk jualan di Kedai Cenderamata.
- 6.6. Penyewa dikehendaki memberikan potongan harga yang berpatutan atas budi bicara penyewa kepada pemandu pelancong yang membawa rombongan ke Muzium Negara

7. KONSEP

- 7.1. Penyewa diminta mengemukakan konsep atau cadangan yang sesuai mengikut kreativiti dan daya tarikan kepada pelawat dan warga Jabatan Muzium Malaysia.
- 7.2. Pemilihan dan Pertimbangan oleh Jawatankuasa Sewaan Ruang Dan Kutipan Hasil Jabatan Muzium Malaysia akan memberikan keutamaan kepada konsep yang baik, perkhidmatan dan sistem yang efisyen termasuk menawarkan harga yang sesuai dan potongan yang berpatutan kepada pelawat, sukarelawan Muzium, pemandu pelanconga dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia sendiri.

8. LAIN-LAIN

- 8.1. Segala kerosakan dan pembaikian ke atas apa jua peralatan mesin, perabot dan soket elektrik yang tersedia di bangunan ini adalah menjadi tanggungjawab Penyewa sepenuhnya selepas penyerahan ruang dan tapak dilaksanakan oleh Jabatan menerusi permetraian perjanjian kontrak di antara kedua belah pihak.
- 8.2. Penyelenggaraan berkala ke atas alat penghawa dingin akan dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia.
- 8.3. Segala urusan keselamatan di dalam kedai cenderamata adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Penyewa sepenuhnya. Penyewa dikehendaki membuat laporan kepada Pegawai Keselamatan JMM serta balai polis berhampiran sekiranya terdapat sebarang kejadian jenayah berlaku di dalam kedai cenderamata.
- 8.4. Penyewa hendaklah sentiasa bekerjasama dengan pengawal keselamatan Jabatan Muzium Malaysia dan anggota keselamatan swasta yang telah dilantik oleh Jabatan ini bagi memastikan keselamatan bangunan sentiasa terpelihara.
- 8.5. Penyewa yang dilantik dikehendaki membayar deposit sewaan sebanyak tiga (3) bulan nilai sewaan, termasuk caj utiliti, sebelum memulakan operasi. Deposit sewaan akan dipulangkan kepada Penyewa setelah tamat tempoh perjanjian sekiranya tiada tunggakan bayaran sewaan.

RINGKASAN TAWARAN HARGA

BIL	PERKARA	KADAR HARGA
1.	Tawaran Harga Sebulan (termasuk cukai tanah dan cukai pintu) (tidak termasuk caj utiliti)	RM
2.	Tawaran Harga Setahun	RM
3.	Tawaran Harga Dua (2) Tahun	RM

Tarikh :

Tandatangan

Pemohon :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Catatan: sila isikan ruangan yang berkaitan

BORANG AKUAN PEMOHON

Tuan,

Kami yang bertandatangan di bawah telah membaca "Arahan Kepada Pemohon" dan segala maklumat serta spesifikasi berkenaan penyewaan ini dan dengan ini bersetuju dengan terma berikut:

- i. Kami telah meneliti spesifikasi dan syarat kontrak dan bersetuju memohon Bagi **Perkhidmatan Penyewaan Kedai Cenderamata Aras Bawah Muzium Negara Kuala Lumpur** selaras dengan Spesifikasi dan Syarat penyewaan **JMM.UP.200-4/2/2/44 (2)** dengan harga tawaran seperti berikut:

RM :.....(Ringgit Malaysia :

.....**)**

- ii. Sekiranya permohonan ini diterima, kami berjanji akan memulakan operasi dalam masa () minggu dari tarikh peralatan sampai ke tapak/premis.
- iii. Sekiranya tawaran sebutharga ini diterima, kami berjanji akan menyiapkan segala obligasi dalam kontrak di atas dalam tempoh yang akan ditetapkan oleh Kerajaan bagi **Perkhidmatan Penyewaan Kedai Cenderamata Aras Bawah Muzium Negara Kuala Lumpur**.
- iii. Kami juga berjanji tidak akan menarik balik permohonan ini sebelum tamat tarikh sah laku sebutharga iaitu tiga (3) bulan daripada tarikh tutup permohonan.
- v. Kami faham bahawa Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran penyewaan terendah atau pun mana-mana tawaran penyewaan. Kerajaan juga tidak terikat menyatakan sebarang sebab bagi permohonan yang ditolak dan kami bersetuju bahawa Kerajaan berhak membuat sebarang keputusan berkenaan permohonan / kontrak ini dengan cara yang difikirkannya sesuai.

Tandatangan Pemohon :

Tandatangan Saksi :

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Nama Syarikat :

Nama Syarikat :

Tarikh :

Tarikh :

Cop Syarikat :

LAMPIRAN B

SALINAN SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN

- i) KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA -
BERSERTA KOD BIDANG-(MOF)
- ii) SIJIL BUMIPUTERA
- iii) SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(SSM)

LAMPIRAN C

PROFILE SYARIKAT

SURAT AKUAN PEMBIDA

bagi

Perkhidmatan Penyewaan Kedai Cenderamata Aras Bawah Muzium Negara Kuala Lumpur

Saya, nombor K.P yang mewakili Nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana invidu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana invidu dalam Jabatan Muzium Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam permohonan seperti diatas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengistiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini..... didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana - mana individu dalam Jabatan Muzium Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi penyewaan di atas: atau
- 2.2 penamatkan kontrak bagi penyewaan di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan sewaan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No.KP)

Cop Syarikat:

LAMPIRAN E

SENARAI KELENGKAPAN (PERALATAN YANG AKAN DIGUNAKAN)

Nota: Sila gunakan lampiran tambahan dengan format yang sama jika ruang tidak mencukupi

HARGA CENDERAMATA

Nota: Sila gunakan lampiran tambahan dengan format yang sama jika ruang tidak mencukupi

LAMPIRAN G

CADANGAN & KONSEP

PENGALAMAN KERJA

Sila nyatakan kerja seumpama yang syarikat tuan/puan telah ambil bahagian. Isikan butir-butir di bawah. Sila gunakan kertas tambahan jika ruang ini tidak mencukupi. Sila sertakan salinan Surat Setuju Terima (SST) atau Pesanan Tempatan (L.O) atau Purchase Order (P.O) untuk perkhidmatan yang lalu

Bil	Pengalaman Kerja (Semasa / Terdahulu)	Agensi	Nilai Projek (RM)	Tahun

“saya mengesahkan bahawa segala maklumat di atas adalah benar belaka”

LAMPIRAN I

**SALINAN PENYATA AKAUN BANK
(3 BULAN TERKINI)**

BORANG PERMOHONAN JKPTG**SEWA / MENGELOUARKAN HASIL / BAHAN BATUAN / KAYU KAYAN DI ATAS TANAH PERSEKUTUAN**

A. MAKLUMAT PEMOHON							
INDIVIDU		Semakan Pejabat (/)	SYARIKAT/PERTUBUHAN		Semakan Pejabat (/)		
Sila Sertakan:		Sila Sertakan:					
i. Salinan Kad Pengenalan		()	i. Salinan sijil pendaftaran	()			
			ii. Salinan borang 24 Akta Syarikat	()			
			iii. Salinan borang 49 Akta Syarikat	()			
			iv. Salinan artikel M.A.A.	()			
			v. Salinan Undang-Undang Tubuh/Kecil	()			
1.	Nama			1.	Nama		
2.	No. K/P			2.	No. Daftar		
3.	Alamat			3.	Alamat		
4.	Pekerjaan			4.	Jenis Perniagaan		
5.	Pendapatan			5.	Modal Dibenarkan		
6.	No. Telefon			6.	Modal Berbayar		
				7.	No. Telefon		

B. MAKLUMAT TANAH							Semakan Pejabat (/)
Sila Sertakan:							
i. Salinan sijil carian rasmi daripada Pejabat Tanah Daerah/Pejabat Tanah Galian							()
ii. Pelan tanah / Pelan Susunatur / Pelan Perancangan Tapak yang ditandakan kawasan/bahagian yang dipohon							()
Bil.	No. Lot/ No. PT	No. Hakmilik / No. Warta Rizab	Mukim/Pekan /Bandar	Daerah	Negeri	Luas Keseluruhan	Luas Dipohon
1.	Lot 82 Seksyen 59	57950	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	W.P Kuala Lumpur		131.14mp

C. TUJUAN SEWA**Kedai Cenderamata****D. PERAKUAN PEMOHON:**

Bahwasanya saya mengaku maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan saya sehingga kini tidak pernah diisyiharkan sebagai muflis.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan dan :
Cop Syarikat

Tarikh :

KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh Terima	
Status	*Lengkap / Tak Lengkap
Penerima	

Hantar Kepada : Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
 Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,
 Seksyen Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan,
 Aras 2, Podium 1, Wisma Sumber Asli,
 Presint 4, 62574 Putrajaya

LAMPIRAN K

SALINAN KAD PENGENALAN

SENARAI SEMAK

Sila tandakan / bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil .	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Urus Setia
1.	LAMPIRAN A- Ringkasan Tawaran Harga LAMPIRAN A1 – Borang Sebutharga		
2.	LAMPIRAN B –Salinan Sijil-Sijil Pendaftaran : i) KementerianKewangan Malaysia (MOF) ii) Sijil Bumiputera iii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
3.	LAMPIRAN C – Profil Syarikat		
4.	LAMPIRAN D – Surat Akuan Pembida		
5.	LAMPIRAN E – Kelengkapan		
6.	LAMPIRAN F –Cadangan Harga Cenderamata		
7.	LAMPIRAN G – Cadangan Konsep		
8.	LAMPIRAN H – Pengalaman Kerja beserta bukti pengalaman (SST/L.O/P.O DII) – berkaitan		
9.	LAMPIRAN I – Salinan Penyata Akaun Bank (3 bulan terkini)		
10.	LAMPIRAN J - Borang JKPTG		
11.	LAMPIRAN K – Salinan Kad Pengenalan		
12.	LAMPIRAN L - Senarai Semak		
13.			